



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PEKELILING PENDAFTAR

BILANGAN 35/2010

### IKLAN KENAIKAN PANGKAT

Permohonan dipelawa daripada staf Universiti Teknologi MARA Sarawak dalam Kumpulan Sokongan I yang sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang kosong seperti berikut:-

1. *i)* *Jawatan* : **Pembantu Makmal**
- ii)* *Gred Jawatan* : **C22**
- iii)* *Kekosongan* : **1**
- iv)* *Penempatan* : **UiTM Kampus Samarahan**
- v)* *Syarat Kelayakan* :

Pembantu Makmal C17 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal C22 yang kosong apabila telah :-

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
- b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
- c) lulus semua **penilaian tahap kecekapan** yang ditetapkan; dan
- d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

- vi)* *Tanggagaji* : **Gred C22**

<b>P1T1 RM 1919.96</b>	-	<b>P1T12 RM 2842.57</b>
<b>P2T1 RM 2062.14</b>	-	<b>P2T12 RM 3139.06</b>

## CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah dibuat melalui '**e-kenaikan pangkat**' dengan melayari laman sesawang UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di 'i-Staff Portal'.
2. Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan disokong secara atas talian (*online*) oleh Ketua Jabatan hendaklah dicetak sebanyak 1 salinan dan seterusnya dihantar ke Bahagian kami beserta 1 salinan keputusan **Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Kursus Kenegaraan (jika berkenaan)** yang telah disahkan.
3. Borang permohonan yang telah dicetak dan lengkap diisi hendaklah dihantar ke Bahagian kami di alamat seperti berikut :-

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Pentadbiran  
Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Kampus Samarahan  
Jalan Meranek  
94300 Kota Samarahan

## MAKLUMAN / PERHATIAN

1. Pemohon bagi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan **Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir** sebelum dibenarkan mengisi permohonan melalui e-kenaikan pangkat hendaklah terlebih dahulu mengemas kini rekod kelulusan kemahiran yang mereka peroleh (*Sijil Pengajar/Sijil Kemahiran Malaysia/MLVK atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan*) ke Bahagian Pentadbiran. Kegagalan mengemas kini rekod berkenaan boleh mengakibatkan permohonan ditolak serta-merta.
2. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
3. Penempatan bagi calon-calon yang berjaya adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti.
4. Hanya pemohon yang telah disenarai pendek (**short-listed**) sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak kami dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.


**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah **19 JULAI 2010**

Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan dilayan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar,



**DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**  
Pendaftar

No. Fail : 100-BPD(PTA.6/3)  
Tarikh : 30 Jun 2010